

Siasatan terperinci kesan sindiket, individu terbabit rasuah

Baru-baru ini, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) yang menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah telah mengeluarkan kenyataan rasmi mendapati terdapatnya pengeluaran kad pengenalan (IC) biru secara haram kepada pendatang asing di negeri terbabit. Masalah banjir PATI di negeri itu juga dikatakan berlaku atas sebab faktor ekonomi serta masalah konflik peperangan yang berlaku di negara jiran buat sekian lama.

Ada unsur rasuah yang disyaki dilakukan oleh sindiket tertentu serta oleh sesetengah pegawai awam yang tidak bertanggungjawab. Akibat faktor ini, Sabah dilimpahi ramai PATI terutama dari Filipina & Indonesia yang sedikit sebanyak telah menyumbang kepada masalah keselamatan sosial serta ekonomi di negeri

itu buat sekian lama.

Pada masa yang sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, juga ada berkata tidak ada dalam hasil siasatan suruhanjaya terbabit menunjukkan 'pengeluaran IC' kepada pendatang asing dibuat atas kepentingan politik, khususnya atas nama 'Projek IC'. Berdasarkan pendedahan yang dibuat ini, adalah wajar pihak yang berkaitan dalam negara kita mengambil tindakan lanjut bagi menyiasat perkara terbabit dengan lebih terperinci lagi.

Siasat sindiket, individu terbabit rasuah

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hendaklah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk segera menyiasat perkara terbabit serta mengambil tindakan undang-undang terhadap sindiket serta individu yang terba-

bit dalam isu rasuah.

Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menangani masalah PATI di Sabah dipengerusikan oleh Steve Shim, bekas Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak bagi menyiasat masalah berkaitan kerakyatan dan pendatang di Sabah.

Mereka juga menyiasat implikasi sosial kepada masyarakat Sabah berikutan penganugerahan kad pengenalan biru atau kerakyatan kepada orang asing di negeri ini dan menyiasat bilangan rakyat tiada negara di Sabah yang diberikan kerakyatan atau kad pengenalan biru. Laporan RCI yang dikeluarkan di Sabah telah menyalahkan sindiket dan sesetengah penjawat awam yang dikatakan terbabit dengan rasuah kerana memberikan kad pengenalan Malaysia kepada warga asing sehingga mengubah keadaan demografi

penduduk negeri itu serta meningkatkan tahap kecurigaan terhadap daftar pemilih.

Bendung banjir pendatang
Pelbagai usaha dan langkah proaktif perlu diambil oleh semua pihak terutamanya pihak Kerajaan Pusat dan negeri bagi membendung masalah banjir pendatang tanpa izin dari terus berlaku di negeri terbabit. Mencegah lebih baik daripada merawat, pihak berkuasa yang berkaitan dengan isu keselamatan dalam negara kita juga hendaklah memainkan peranan masing-masing bagi terus melakukan aspek pemantauan sepanjang masa di sempadan sama ada di darat mahupun di laut bagi mencegah sempadan di negeri terbabit serta di negeri di seluruh negara diceroahi oleh PATI.

Pada masa yang sama, tindakan

undang-undang sedia ada seperti Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) serta akta yang berkaitan perlu diambil terhadap mana-mana pendatang tanpa izin yang masih wujud di Sabah. Laporan RCI Sabah yang dikeluarkan di Kota Kinabalu juga telah melahirkan hasrat jelas yang memerlukan satu iltizam politik dari Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang tinggi serta telus bagi menangani masalah banjir PATI melalui penubuhan sekretariat tetap yang telah dipersejajuti serta membasmi masalah terbabit daripada berterusan berlaku serta menjamin keselamatan serta kesejahteraan penduduk di Sabah.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia